



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

22.12.2023

❖ **Insentif pemindahan penyenaraian dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama yang tepat pada masanya**

Kaunter syarikat yang tersenarai di Pasaran ACE Bursa Malaysia yang berkelayakan perlu mengambil kesempatan daripada proses pemindahan yang dipermudah dan dipercepatkan seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission, SC) bagi memudahkan syarikat mereka dinaik taraf ke Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Rangka kerja ini akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 melalui pindaan kepada Garis Panduan Ekuiti. Ia seharusnya memberi insentif kepada lebih banyak syarikat awam tersenarai (*public listed companies, PLC*) yang tersenarai di Pasaran ACE untuk melakukan usaha berterusan bagi meningkatkan nilai korporat mereka, seterusnya mencapai pertumbuhan yang mampan untuk para pemegang saham.

Pengenalan proses pemindahan yang dipercepatkan adalah insentif yang tepat pada masanya, lebih-lebih lagi apabila banyak syarikat disenaraikan dalam Pasaran ACE sejak beberapa tahun lalu.

Di bawah proses baharu ini, PLC Pasaran ACE hendaklah, antara lain, telah disenaraikan di Pasaran ACE sekurang-kurangnya 12 bulan sebelum menyerahkan permohonan mereka kepada SC. Mereka perlu mempunyai permodalan pasaran harian sekurang-kurangnya RM1 bilion untuk tempoh enam bulan yang lalu dan memenuhi keperluan keuntungan untuk syarikat yang berhasrat disenaraikan di Pasaran Utama. Syarikat-syarikat ini juga telah beroperasi dalam perniagaan teras yang sama untuk tiga tahun kewangan penuh yang terkini.

Selain itu, dalam mempertimbangkan permohonan untuk proses pemindahan yang dipercepatkan, SC akan turut meneliti tahap penerimangunaan pemohon terhadap amalan terbaik di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Setakat 21 Disember 2023, terdapat lima PLC yang tersenarai dalam Pasaran ACE yang memperoleh permodalan pasaran melebihi RM1 bilion.

Pemindahan penyenaraian yang dipercepatkan ini adalah sebahagian daripada pelbagai langkah modal yang diperkenalkan oleh SC untuk merancakkan lagi pasaran saham serta mengurangkan geseran pasaran.

Penyenaraian di Pasaran Utama membawa bersama-sama premium, menunjukkan bahawa sesebuah PLC telah mencapai piawaian tertentu dari segi kualiti, saiz dan operasi.

Peruntukan yang sedia ada dari Pasaran ACE kepada Pasaran Utama dikekalkan

Sementara itu, peruntukan yang sedia ada dalam Garis Panduan Ekuiti untuk pemindahan PLC tersenarai dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama masih dikekalkan. PLC masih boleh membuat permohonan untuk pemindahan penyenaraian di bawah peruntukan sedia ada jika mereka belum dapat memenuhi syarat-syarat yang lebih ketat, iaitu permodalan pasaran, yang diguna pakai untuk proses pemindahan dipercepatkan.

Di bawah proses permohonan pemindahan konvensional, pemohon mestilah mempunyai permodalan pasaran harian sekurang-kurangnya RM500 juta untuk tempoh setahun sebelum permohonan dibuat. Sebaliknya, di bawah proses pemindahan yang dipercepatkan, syarat permodalan pasaran harian adalah sekurang-kurangnya RM1 bilion untuk enam bulan sebelum permohonan pemindahan dibuat.

Walaupun terdapat syarat yang ketat, namun maklumat dan dokumen yang diperlukan (Lampiran 3A daripada Garis Panduan Ekuiti) untuk proses pemindahan dipercepatkan adalah tidak rumit dan panjang lebar seperti proses pemindahan konvensional (Lampiran 3 daripada Garis Panduan Ekuiti). Justeru, syarikat-syarikat ini dapat memanfaatkan kos pematuhan yang rendah serta masa pusing balik yang lebih singkat.

Insentif yang tepat pada masanya

Pasaran ACE kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting dalam pasaran modal ekuiti Malaysia, dengan 20 penyenaraian di Pasaran ACE memperoleh RM1.26 bilion melalui tawaran awam permulaan (*initial public offer, IPO*) setakat Oktober tahun ini. Sehingga Disember 2023, Pasaran ACE mendominasi IPO untuk tahun 2023 dengan 24 daripada 32 penyenaraian, manakala Pasaran Utama menyaksikan tujuh penyenaraian berbanding lima pada tahun lepas.

Sebaliknya, terdapat penurunan yang kecil dalam penyenaraian di Pasaran LEAP (satu penyenaraian pada tahun 2023 berbanding tiga pada tahun 2022), mungkin disebabkan syarikat-syarikat ini menilai rangka kerja pemindahan Pasaran LEAP sebelum membuat keputusan untuk menjadi syarikat awam tersenarai.

Pada masa surat berita ini ditulis, terdapat 32 IPO di Bursa Malaysia, mengatasi sasaran sebanyak 31 IPO yang diunjurkan oleh pengendali bursa.

Pasaran menjangkakan IPO yang dalam proses untuk disenaraikan di Bursa Malaysia akan meraih momentum pada tahun 2024, dirangsang oleh sentimen perniagaan yang positif secara keseluruhan di negara ini.

Deloitte Malaysia baru-baru ini berkata, mereka membayangkan pasaran IPO tempatan akan kekal aktif dan diterajui oleh penerbit berkualiti yang mengekalkan

atau menjangkui permodalan pasaran mereka sewaktu penyenaraian dan disokong oleh penyertaan pelabur yang aktif.

Firma tersebut turut menambah, syarat-syarat penyenaraian untuk Pasaran ACE adalah lebih bersesuaian dengan syarikat yang menunjukkan unjuran pertumbuhan yang baik, manakala nilai tiket saham IPO yang lebih rendah terus menarik aliran pelabur yang stabil.

Melihat daripada perspektif RM dan sen, 28 IPO yang disenaraikan dalam 10 setengah bulan pertama 2023 secara kolektif telah mengumpulkan sebanyak RM3.31 bilion. Meskipun jumlah dana IPO yang berjaya dikumpul dari awal tahun sehingga kini adalah kurang daripada RM3.71 bilion yang diperoleh sepanjang tahun 2022, jumlah permodalan pasaran IPO kini mencecah RM12.83 bilion, yang melepas angka RM11.81 bilion pada tahun lepas dan RM9.03 bilion pada tahun 2019, sebelum penutupan yang disebabkan tercetusnya wabak Covid-19.

Oleh Pemantauan Korporat MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 25 hingga 29 Disember 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
27.12.23 (Rabu) 09.00 pagi	ARB Berhad (EGM)	ARB Berhad mencadangkan pengagihan <i>in-specie</i> kira-kira 76.12% kepentingan ekuiti dalam ARB IoT Group Limited (AIGL), dengan menawarkan 14 saham AIGL bagi setiap 1,000 saham ARB yang dipegang oleh pemegang saham yang berhak.
27.12.23 (Rabu) 11.00 pagi	SMTRACK Berhad (AGM)	Kumpulan menukar akhir tahun kewangannya dari 31 Disember 2022 kepada 30 Jun 2023. Pendapatan Kumpulan meningkat 160.3% kepada RM15.99 juta untuk tempoh kewangan berakhir 2023 (tempoh kewangan 17 bulan berakhir 2021: RM6.14 juta). Namun begitu, Kumpulan mencatatkan kerugian bersih yang lebih tinggi sebanyak RM15.81 juta (tempoh kewangan 17 bulan berakhir 2021: RM7.79 juta) terutamanya disebabkan oleh penilaian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan

		dan rosot nilai ke atas muhibah yang ditanggung dalam tempoh kewangan berakhir 2023.
28.12.23 (Khamis) 10.00 pagi	Melati Ehsan Holdings Berhad (EGM)	<p>Syarikat berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk resolusi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan pemerolehan tanah pembangunan seluas kira-kira 4.008 ekar di Mukim Batu, Kuala Lumpur, oleh Pembinaan Kery Sdn Bhd (PKSB) daripada Mega Legacy (M) Sdn Bhd (MLSB) dengan balasan tunai berjumlah RM85 juta. - Cadangan usaha sama (<i>joint venture, JV</i>) antara PKSB dan MLSB untuk menjalankan pembangunan di atas tanah tersebut sebagai balasan kepada hak pembangunan yang bernilai RM93.5 juta atau agregat balasan pembelian ditambah kelayakan 20.0% daripada keuntungan, yang mana lebih tinggi.
29.12.23 (Jumaat) 09.30 pagi	Boustead Heavy Industries Bhd (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan resolusi berikut untuk kelulusan pemegang saham:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pindaan kepada perlembagaan syarikat - Pelangsaian pembiayaan bank yang masih tertunggak dengan Affin Bank Berhad - Pelangsaian jumlah terhutang kepada Boustead Holdings Berhad (BHB) - Peruntukan dan penerbitan Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus (<i>Redeemable Convertible Preference Shares, RCPS</i>) – Kelas A, RCPS Islam – Kelas A, RCPS – Kelas B, RCPS – Kelas C dan saham BHIC baharu dalam Syarikat pada harga terbitan RM0.57 setiap satu.
29.12.23 (Jumaat) 03.00 petang	Hextar Capital Berhad (dahulu dikenali sebagai Opcom Holdings Berhad) (EGM)	Opcom VC Sdn Bhd (OVCSB), anak syarikat milik penuh HexCap mencadangkan untuk memperoleh 6.75% ekuiti dalam Binasat Communications Berhad (Binacom)

	<p>dengan balasan tunai sebanyak RM14.68 juta.</p> <p>Langkah ini bertujuan meningkatkan kepentingan ekuiti keseluruhan OVCSB dalam Binacom kepada 24.78%, yang membolehkan Kumpulan HexCap mengiktiraf Binacom sebagai syarikat bersekutu. Pelaburan itu dijangka meningkatkan perolehan Kumpulan HexCap dengan cara memanfaatkan platform telekomunikasi Binacom untuk pengembangan, sekaligus mengukuhkan kedudukannya dalam tender pada masa hadapan. OVCSB sebelum ini telah memperoleh 18.03% saham Binacom pada 2 Oktober 2023.</p>
--	--

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
SMTRACK Berhad (AGM)	<p>Pada 20 Februari 2023, Kumpulan telah menanda tangan Perjanjian Pembelian Helikopter dengan Grid Engineering Sdn. Bhd. untuk membeli sebuah Airbus Eurocopter AS355 F2 ('Helikopter') pada harga belian USD1.25 juta. Pemerolehan itu dibiayai melalui pinjaman daripada pemberi pinjaman wang berlesen sebanyak RM7.0 juta dengan kadar faedah 6% setahun. (Pengumuman Bursa bertarikh 20 Februari 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah usia Helikopter tersebut? Adakah terdapat sebarang perbelanjaan tambahan yang perlu ditanggung untuk mengendalikan Helikopter itu? Jika ada, berapakah jumlahnya? b) Melihat sumbangan pendapatan yang rendah daripada pengangkutan udara dan perkhidmatan berkaitan penerbangan iaitu sebanyak 2.9% kepada jumlah pendapatan Kumpulan, adakah Pengarah Bebas membuat penilaian terhadap pulangan daripada pelaburan-pelaburan lepas yang pernah dibuat oleh Kumpulan dalam segmen penerbangan sebelum pembelian Helikopter itu? c) Apakah rancangan Kumpulan untuk Helikopter itu? Bilakah Helikopter itu dijangka akan mula menyumbang kepada pendapatan Kumpulan?
Boustead Heavy Industries Bhd (EGM)	<p><u>Cadangan Pelangsaian Hutang</u></p> <p>Penyempurnaan Cadangan Pelangsaian Hutang adalah tertakluk kepada, antara lain, pematuhan syarat-syarat terdahulu dalam tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak, seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Pelangsaian Pembiaya dan Perjanjian Pelangsaian BHB.</p>

	<p>Kegagalan mematuhi syarat-syarat ini akan menyebabkan perjanjian pelangsaian ini ditamatkan. Dalam kes sedemikian, pembayaran balik/ pelangsaian kemudahan pembiayaan yang tertunggak akan kembali kepada syarat-syarat pembayaran balik/ pelangsaian seperti yang ditetapkan dalam perjanjian kemudahan masing-masing yang sedia ada dengan Pembiaya. Sekiranya Syarikat tidak dapat menyempurnakan Cadangan Pelangsaian Hutang tepat pada masanya dan jika Kumpulan ingkar dalam membuat pembayaran kepada Pembiaya, Syarikat berdepan risiko diklasifikasikan sebagai Penerbit PN 17. (Halaman 16, Pekeliling).</p> <p>Selain langkah-langkah yang dinyatakan di halaman 16 Pekeliling, apakah langkah munasabah lain yang diambil bagi memastikan Cadangan Pelangsaian Hutang ini dapat dimuktamadkan sekaligus mengelakkan BHIC daripada diklasifikasikan sebagai penerbit PN17 serta meraih faedah yang dijangka diperoleh (Halaman 11, Pekeliling) daripada Cadangan Pelangsaian Hutang ini?</p>
--	--

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya

diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.